

Kesan filem Hindi

BH 19 FEB 2001
Oleh Zulkofli Jamaludin dan Sariha Mohd Ali

SHAH ALAM, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kajian secara akademik perlu diadakan untuk mengetahui kesan sebenar filem Hindi terhadap masyarakat negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak berani mendakwa filem itu menyebabkan peningkatan jenayah, kecuali satu kajian dibuat terhadap mereka yang melakukan jenayah sama ada terpengaruh dengan filem berkenaan.

“Saya tak berani nak kata kecuali kalau kita buat kajian betul-betul bahawa

Kementerian Penerangan akan memperkenalkan formula khas bagi mengurangkan tayangan filem Hindi dan klip video Hindi yang dikatakan boleh mempengaruhi budaya hidup masyarakat Melayu

sipolan yang dibunuh, macam jurutera komputer dalam bas itu, disebabkan (pembunuhnya) peminat filem Hindi.

“Kita kena kaji apa sebabnya, mungkin sana banyak jenayah dan apa-

kah kita boleh kaitkan jenayah itu dengan filem Hindi,” katanya dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru, di sini hari ini.

Sebelum ini, Wakil Mufti-Mufti SeMalaysia,

Datuk Seri Harussani Zakaria dalam kenyataannya Rabu lalu, berkata filem Bollywood dikatakan mendorong masyarakat Islam terjebak ke arah perlakuan sumbang muhrim berkuat pengaruh yang kuat apabila kerap ditayangkan di televisyen.

Berikutan itu, Kementerian Penerangan akan memperkenalkan formula khas bagi mengurangkan tayangan filem Hindi dan klip video Hindi yang dikatakan boleh mempengaruhi budaya hidup masyarakat Melayu.

Di Kuantan, Menteri

perlu dikaji: PM

Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kementerian tidak boleh menghentikan terus tayangan filem Bollywood yang dikatakan menjurus kepada keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat, kerana ia adalah program yang popular pada masa ini.

Bagaimanapun, kementerian berkenaan berharap Lembaga Penapis Filem (LPF) mampu berperanan lebih penting untuk menapis filem berkenaan secara lebih teliti sebelum ditayangkan kepada umum di televisyen.

Beliau berkata, kesan

negatif kepada penonton bukan saja disebabkan penayangan filem Bollywood di televisyen, sebaliknya ia turut membabitkan filem Barat, Hong Kong dan Jepun.

Katanya, pihaknya tidak boleh menolak secara terus semua filem berkenaan, sebaliknya ia perlu ditapis dulu untuk diluluskan bagi tayangan sama ada di stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3, ntv7 atau Astro.

“Kita tidak boleh mengatakan filem Bollywood saja yang memberi kesan seperti itu, sebaliknya ia tu-

rut membabitkan filem dari Barat, Jepun dan Hong Kong.

“Pada keadaan sekarang, kita tidak boleh menolak semua filem itu daripada ditayangkan. Terpulang kepada LPF menapis filem itu kerana kita ada wakil penapisan yang berpengalaman dalam bidang itu.

“Mereka boleh memberi kelulusan kepada pihak berkuasa sama ada RTM, TV3, ntv7 dan Astro untuk penayangannya selepas tapisan kerana kita juga mengambil perhatian yang ia adalah program popular,” katanya selepas

mengadakan perjumpaan dengan rakyat di Dewan Lapang Besar, di sini, hari ini.

Khalil berkata, tumpuan kesan negatif terhadap filem Bollywood lebih menjurus kepada televisyen kerana ia adalah medium hiburan keluarga yang tidak dikenakan bayaran, berbanding buku, majalah atau video cakera padat (VCD).

“Saya sudah berjumpa dengan pegawai LPF ini dan saya dapati mereka matang dan berpengalaman dalam meluluskan sesuatu program,” katanya.